



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PERTANDINGAN PEMBUATAN PERABOT KAYU SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA 2021

---

**Bandar Seri Begawan, Ahad, 7 Sya'ban 1442H / 21 Mac 2021** Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan pada hari ini telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Pembuatan Perabot Kayu sempena Hari Hutan Antarabangsa 2021. Pertandingan pembuatan perabot kayu ini adalah julung kali diadakan di negara ini yang bertujuan untuk mempromosikan produk perkayuan tempatan khususnya perabot kayu dan mengetengahkan kreativiti pertukangan kayu syarikat dan pengusaha Industri Perkayuan di Negara ini. Majlis bertempat di Dewan Atrium, Airport Mall, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I dan Yang Mulia Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar, Timbalan Setiausaha Tetap II; Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, Pemangku Pengarah Perhutanan, sebagai Pengerusi Majlis; dan wakil dari agensi-agensi dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Muhd. Arif bin Haji Johari, Imam Tingkat 1 Masjid Rashidah Saadatul Bolkiah Kg. Sungai Akar. Majlis diteruskan dengan ucapan kata-kata aluan dari Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim. Dalam ucapannya mengatakan ... ***(Teks kata-kata aluan seperti yang disertakan)***.

Majlis kemudian menyaksikan tayangan video yang mengimbas kembali perjalanan pertandingan ini dan turut memperkenalkan para peserta dan hakim-hakim di dalam pertandingan ini. Majlis diikuti dengan pengumuman pemenang pertandingan oleh Ketua Hakim.

Terdapat dua kategori dipertandingkan di dalam pertandingan ini berdasarkan kepada jenis produk yang dibuat. Kategori A mempertandingkan pembuatan satu set meja makan manakala Kategori B mempertandingkan pembuatan satu set meja untuk ruang tamu.

Syarikat Kilang Papan Batang Mitus Sdn. Bhd. memenangi kedua-dua kategori dalam pertandingan ini dan membawa pulang trofi, plak dan sijil penyertaan.

Pertandingan pembuatan perabot kayu ini juga memfokuskan penghasilan perabot kayu yang berkualiti dan *marketable* dengan harga yang berpatutan dan mampu milik (*affordable*) dan bersesuaian dengan dalaman (*interior*) rumah perpindahan yang disediakan di bawah skim Rancangan Perumahan Negara, Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan.

Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Pembuatan Perabot Kayu ini diadakan pada hari terakhir Ekspo Produk Perakayuan Negara Brunei Darussalam yang telah berlangsung semenjak 18 Mac 2021.

**/TAMAT.**

Di keluarkan oleh:  
Jabatan Perhutanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 21 Mac 2021